

14 JUN 2000

PERODUA-TANPA KERTAS/I

URUSAN PENDAFTARAN DAN JUALAN PERODUA TANPA KERTAS

KUALA LUMPUR, 14 Jun (Bernama) -- Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua), sedang dalam peringkat akhir pelaksanaan pendaftaran dan penjualan kenderaannya tanpa mengguna kertas, kata pengerusinya, Raja Tun Mohar Raja Badiozzaman.

Dalam ucapannya di majlis pelancaran model terbaru Perodua, Kenari, di sini hari ini, katanya daya usaha tanpa kertas itu membabitkan syarikat itu sendiri, Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Kastam dan institusi kewangan.

Kenari, model keempat oleh pembuat kereta nasional kedua selepas Kancil, Rusa dan Kembara telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di majlis penuh warna warni.

Sebahagian daripada urusan di bawah daya usaha tanpa kertas itu termasuklah perbankan elektronik, katanya sambil menambah bahawa Perodua telahpun mengenal pasti teknologi maklumat (IT) sebagai jalan menuju kemajuan.

Bersama rakan strategiknya, Daihatsu Corporation dari Jepun, katanya Perodua menganggap IT sebagai satu daripada langkah yang boleh membantu syarikat itu mencapai wawasan korporatnya untuk menjadi pembuat kereta padat terkenal di Asean.

Raja Mohar berkata Kenari dijangka mendapat sambutan dari kalangan eksekutif muda dan mereka yang berkeluarga.

-- BERNAMA

MAD MA